

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Thursday, August 29, 2019 3:28 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Staf - Pesara UUM  
**Subject:** PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN 2019



**UUM Corporate Comm.**  
**Universiti Utara Malaysia**

29 OGOS 2019 / 28 ZULHIJAH 1440H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**UUM ONLINE:**



## **PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN 2019**

### **'SAYANGI MALAYSIAKU: MALAYSIA BERSIH'**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Kemerdekaan

Tarikh keramat 31 Ogos menjadi bukti yang air mata dan darah pejuang tanah air mendapat pembelaan yang sewajarnya. Tanah air yang dibelenggu penjajah selama 446 tahun, akhirnya berjaya mengibarkan benderanya sendiri sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Seyogianya menjelang 31 Ogos ini, kita rakyat Malaysia bersama-sama menzahirkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kerana usaha para pejuang yang tersohor dan wira yang tidak didendangkan, membolehkan kita menikmati erti sebenar sebuah negara yang merdeka.

Alhamdulillah pada tahun ini kita menyambut Hari Kemerdekaan dengan tema 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih'. Tema ini amat bersesuaian demi kelangsungan

Negara Malaysia kerana nilai integriti dan sifat amanah merupakan benteng kepada sebarang perbuatan negatif termasuk rasuah. Masalah rasuah yang berleluasa dalam masyarakat pada masa ini merupakan sebahagian daripada perkara mungkar malah merupakan satu jenayah yang membimbangkan. Perkara ini sudah mendapat teguran daripada Allah Subhanahuwataala dalam Surah al-Baqarah ayat 188, yang mafhumnya: "Janganlah kamu memakan harta orang lain dengan cara yang batil dan (jangan) dibawa kepada hakim agar dapat memakan sebahagian daripada harta itu dengan cara berdosa, sedang kamu mengetahuinya."

Berdasarkan perintah Allah Subhanahuwataala ini, saya ingin menyeru warga Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk berganding bahu membenters rasuah dan insya-Allah tanpa rasuah kita dapat melahirkan sumber manusia yang berhemah tinggi, Pihak UUM juga akan melipatgandakan usaha untuk menzahirkan rasa kasih sayang terhadap Negeri Kedah dan Negara Malaysia dengan mengambil langkah yang tegas dalam membenters dan mencegah rasuah untuk mengukuhkan integriti organisasi ini. Saya amat berharap agar UUM sebagai institusi pendidikan menyuburkan semangat patriotik di samping menyemarakkan rasa sayang terhadap tanah air dalam kalangan generasi muda dan juga seluruh masyarakat berlandaskan konsep 'bersih' dari segi mental, fizikal, rohani dan sosial. Semoga segala usaha ini mendapat keredaan Allah Subhanahuwataala dan kita bersatu hati dalam menjaga tanah air yang disayangi.

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan 2019.

Naib Canselor UUM



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.